

Dari Ikhwan Kepada Ikhwan

Tugas Ikhwan

“Persahabatan Ikhwan telah merupakan persatuan, membentuk cara permasyarakatan Islam yang tulen. Sekalipun di antaranya tidak mengenal wajah rupa, tetapi hakikatnya tetap satu, iaitu mengabdikan diri kepada Tuhan sebagai satu sumpah yang seringkali dilakukan “*Inna ṣalātī wa nusukī wa mahyāya wa mamātī Lillahi rabbi al-‘āmīn*”: Bahawa sembahyang, amal ibadah, hidup dan matiku, hanya mengabdikan kepada Tuhan.”

Demikian kata saudara “Muhshi Juhli” (Ikhwan: 791). Lebih lanjut beliau menulis:

Wujudnya persahabatan Ikhwan bererti menyinarikan kembali fahaman-fahaman Islam, bukannya fahaman teori politik moden, atau ajaran politik Karl Marx pencipta Komunism, tetapi adalah berdasarkan buah ciptaan suci *al-Qur'an al-Karīm* dan hadis.

Kerana Quran dan hadis itulah yang boleh mengubah dasar masa supaya menuju ke arah perdamaian, dan bukannya peredaran masa hendak mengubah pengertian Quran atau Quran hendak mengikut tenggelam timbul peribadi manusia di dunia.

Tugas Ikhwan melaksanakan cita-cita murninya di dalam Islam ialah “perpaduan yang erat” dan bertolong bantu.

Persahabatan Ikhwan datangnya dari penuntut-penuntut, guru-guru, alim ulama, buruh-buruh, peladang-peladang, petani, petani dan polis.

Kesemuanya tentu pandai menyesuaikan diri dan bekerja menurut kemahuannya dan kecenderungannya yang didatangkan oleh perasaan keislaman yang tercipta dijiwanya, sama ada tercipta oleh keturunan (pusaka) atau dipupuk dibubuh

baja yakni dipelajari.

Misalnya: peladang-peladang dan petani-petani merindui sawah bendang dan lading-ladang dan dari kerinduannya itu, menguninglah padi yang luas terbentang dan menghijaulah sayur mayur yang subur. Maka tugas ini adalah seimbangan apa yang dicipta Tuhan di dalam Quran, *wa al-arḍa farashna fa ni‘ma al-māhidūn*: Kami telah menghamparkan bumi, maka sebaik bumi itu untuk orang yang menyediakan yakni mendapat manfaatnya.

Begitulah hendaknya keseluruhan kita di dalam Ikhwan menyampaikan tugas cita-cita yang murni, tugas yang menjadi pelopor angkatan baharu dari masa ke masa dengan mengikut kecenderungan zahir yang bersendirian tetapi seimbangan dengan aliran keislaman.

Dan sekarang marilah bersama-sama berjabat tangan tanda persetiaan menyatakan tugas perpaduan satu jambatan yang akan dilalui oleh anak cucu kita pada masa yang akan datang, untuk melihat Islam terdiri, dengan gagahnya.

POTONGAN 20 PERATUS

Saudara Musa Bin Abdul Majid, Sekolah Melayu

Temangan, Kelantan, (Ikhwan 2456), bertanya berkenaan siaran pihak pengelola Ikhwan yang menjanjikan bahawa tiap-tiap anggota Ikhwan berhak mendapat potongan sebanyak 20 peratus daripada harga buku-buku dan majalah-majalah yang diterbitkan oleh “Qalam”. Jika dipesan terus kepadanya.

Saudara Musa suka mendapat penjelasan

sebagaimana caranya.

[Caranya: Segala pesanan buku atau langganan majalah

hendaklah dikembalikan dengan harganya sekali dan alamatkan

kepada “Pengelola Ikhwan” -P.]

*

PERKARA LIST KHAIRAT

Saudara-saudara Hasyim Abdullah, Tumpat Kelantan, (Ikhwan: 791)

menyatakan kepada sahabat Ikhwan yang menghantar list khairat kepadanya, bahawa beliau tidak sanggup menjalankannya kerana terlalu banyak. Saudara Hasyim hanya sanggup mengisi-ala kadarnya-bagi dirinya sendiri. Sekian dimaklumkan.

*

IKHWAN DI BORNEO UTARA

Saudara Pangiran Ahmad Taja, (Ikhwan: 25),

Pejabat Tanah, Jesselton, Borneo Utara, perkara hendak mengadakan perjumpaan ramah tamah dengan anggota-anggota Ikhwan di Jesselton dan sekitarnya, sabar dahulu kerana kita belum ramai. Perkara yang mustahak sekali sekarang ialah berusaha supaya anggota-anggota Ikhwan bertambah ramai, ajaklah sahabat handai saudara menyatukan diberi

dalam kumpulan persahabatan yang bertujuan mulia ini.

Tentang lencana Ikhwan yang tercicir boleh dapat dibeli

dengan harga 30 sen dan belanja mengirimmnya 10 sen

*

RISALAH PANDUAN IKHWAN

Setelah menerima sebutir lencana, sebuah risalah panduan, sekeping kad pengenalan, dan sehelai surat akuan menjadi anggota Ikhwan, maka Raja Harun Bin Jaafar (Ikhwan: 1860), Group Pejabat Pegawai Jajahan Hulu Terengganu, menulis:

“Saya dengan tulus ikhlas menyeru sekalian

saudara “Ikhwan” kepada beramal bersungguh-sungguh

menurut kandungan risalah panduan Ikhwan itu. Saya

tidak sekali-kali nampak apa jalan jua seseorang boleh

menjadi orang yang baik di dunia dan akhirat dalam erti

kata “baik” dalam agama kita Islam melainkan

berjalan di atas landasan huraian risalah itu walaupun

seribu tahun lebih pengajaran-pengajaran itu ada, tetapi boleh diumpamakan sekurang-kurangnya “bukan mengajar itik berenang

tetapi menunjukkan alur-alur arus air yang boleh

dilalui supaya tidak hanyut ke lautan yang dalam, di mana

itik-itik itu kelak jadi mabuk oleh paluan ombak

dan menjadi makanan ikan yu dan lain-lain ikan

yang lapar di lautan.”

*

BORANG IKHWAN

Saudara Kamaruddin Bin Salih, 3252 Bagan Dalam

Seberang Prai (Ikhwan : 1080). Borang Ikhwan yang

saudara pinta, kami telah kirimkan. Bahagikanlah kepada

sahabat handai saudara. Tentang yuran yang saudara

nyatakan, bagi menjawabnya: Buat sementara, anggota-anggota

Ikhwan tidak dikenakan sebarang yuran tetap. P.